

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KENYATAAN SEBUT HARGA**

**BILANGAN SEBUT HARGA: 05/JMM/S/12/91 (2024/2025)**  
**TAJUK SEBUT HARGA: SEBUT HARGA BAGI MENCETAK BUKU-BUKU  
TERBITAN JABATAN MUZIUM-MUZIUM**

**SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA**

1. Sebut Harga dibukakan kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang mempunyai 'Sijil Pendaftaran' yang sah yang berdaftar dengan Registrar of Companies of Brunei Darussalam.
2. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kakitangan Kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.
3. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi daripada Bahagian Kewangan, Tingkat 2, Bangunan Arkib Negara, Jalan Dewan Majlis, Negara Brunei Darussalam semasa hari / waktu bekerja iatu dari jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan dari jam 2.00 petang hingga 3.00 petang kecuali Hari Sabtu sehingga jam 10.00 pagi sahaja.
4. **Yuran Sebut Harga** bagi setiap borang adalah **B\$5.00 (Ringgit: Lima Ringgit Sahaja)** dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah (bona-fide tender).
5. Sebut Harga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan bilangan dan tajuk sebutharga serta tarikh tutup sebut harga tanpa menyatakan nama penender/syarikat dengan dialamatkan kepada:

**PENGERUSI JAWATANKUASA SEBUT HARGA,  
JABATAN MUZIUM-MUZIUM, JALAN DEWAN MAJLIS,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

6. Sebarang pertanyaan pihak penender hendaklah menghubungi *Officer In-charge (OIC)* melalui nombor telefon +673 238 1672.
7. Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
8. Sebut Harga yang lengkap hendaklah dimasukkan kedalam **PETI SEBUT HARGA, BAHAGIAN PENTADBIRAN, TINGKAT 2, BANGUNAN ARKIB NEGARA, JALAN DEWAN MAJLIS TIDAK LEWAT HARI KHAMIS, 27 JUN 2024, JAM 2.00 PETANG.**
9. Sebelum dokumen sebut harga dikeluarkan, setiap syarikat / pemborong adalah dikehendaki untuk membawa dan menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran yang dinyatakan dan dikehendaki membayar yuran Sebutharga dengan kadar yang telah

ditetapkan.

10. Sebut Harga hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang sebut harga yang disediakan. Borang Sebut Harga dan Borang Pengakuan Penender hendaklah diisi dengan lengkap. Penender yang menghantar sebut harga yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan untuk penilaian.
11. Setiap borang Sebut Harga yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran syarikat dan salinan resit pembayaran yuran sebut harga (seperti kenyataan Para 4).
12. Penender dimestikan untuk menurunkan tandatangan '*initial*' pada setiap mukasurat dimana maklumat telahpun diisikan oleh penender.
13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
14. Syarikat yang menolak atau membatalkan sebut harga atau kontrak setelah kebenaran sebut harga diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garispandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara rujukan LTN/4 (39/1997).